

# KPT sasar semua UA wujud tabung wakaf sendiri

BERITA HARIAN (DEWAN RAKYAT)

21 OKT 2016 m/s 8

**Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** menyasarkan semua 21 universiti awam (UA) mempunyai tabung wakaf masing-masing menjelang akhir tahun ini.

Ketika ini, daripada 21 UA di seluruh negara, hanya enam sudah menubuhkan tabung wakaf iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sains Malaysia (USM), **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata Universiti Sultan Zainal Abidin (Uni-SZA) pula akan melancarkan tabung wakaf hari ini, sekali gus menjadi UA ketujuh mempunyai tabung wakaf.

## **Terbit buku khas urus tabung wakaf**

"Tabung wakaf penting kerana ia adalah sumber dana alternatif penting dalam pembangunan pendidikan tinggi negara khususnya di setiap UA.

"Kementerian berharap semua UA akan mempunyai tabung wakaf masing-masing sebelum akhir tahun ini," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Idris menjawab pertanyaan Nasrudin Hassan (PAS-Temerloh) apakah perancangan kerajaan mengenai cadangan mewujudkan dana wakaf pendidikan tinggi di peringkat Persekutuan.

Beliau berkata, bagi mencapai sasaran itu, satu pasukan khas sedang digerakkan untuk memberi penerangan di UA yang belum menubuhkan tabung berkenaan.

"KPT juga sudah menerbitkan buku khas untuk dijadikan rujukan kepada UA bagi mengurus dan menubuhkan tabung wakaf masing-masing," katanya.

## **Usaha hentikan buli di sekolah berterusan**

Sementara itu, kes buli membabitkan pelajar merekodkan penurunan dalam tempoh tiga tahun, iaitu daripada 0.08 peratus pada 2013 kepada 0.06 peratus pada 2015.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata kementerian akan terus berusaha memastikan kes buli dan salah laku pelajar tidak berulang menerusi pelaksanaan pelbagai pendekatan.

Antaranya, mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan mengarahkan pihak sekolah mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah jika kes perlu ditangani segera.

"Mesyuarat berkala bersama Polis Diraja Malaysia dan merekodkan salah laku murid ke dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) secara dalam talian untuk pelaksanaan intervensi bersesuaian terhadap murid turut dilakukan," katanya pada sesi MQT di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Dr Abd Latiff Ahmad (BN-Mersing) mengenai langkah kementerian untuk membanteras kes buli di sekolah.